



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Nak pinjam RM60,000, namun lesap RM69,700
Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 16 July 2022

Language: Malay
Section: Tempatan
Page: 2

Nak pinjam RM60,000, namun lesap RM69,700

Mangsa buat 13 transaksi pembayaran ke dalam lapan akaun bank suspek dari 22 Jun hingga 8 Julai

Oleh Michael Ubam

SIBU: Hasrat seorang penjual ikan untuk membuat pinjaman peribadi sebanyak RM60,000 tidak kesampaian apabila mengalami kerugian RM69,700 selepas diperdayakan dalam skim pinjaman tidak wujud dalam talian.

Mangsa berusia 38 tahun dari daerah ini diperdaya setelah berurusan dengan suspek yang menyamar sebagai ejen bank di media sosial Facebook sejak Jun

“Mangsa juga dijanjikan pulangan semula wang berkenaan setelah mendapat kelulusan pinjaman, namun semuanya penipuan semata-mata.”

ACP Zulkipli Suhaili
Ketua Polis Daerah Sibu

lalu.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkipli Suhaili berkata, mangsa terlalu mudah percaya apabila hanya menuruti

arahan suspek untuk memenuhi syarat-syarat yang diberikan, termasuk membuat pembayaran yang melebihi jumlah pinjamannya.

“Mangsa telah membuat sebanyak 13 transaksi pembayaran melalui perbankan Internet dan mesin deposit tunai (CDM) melibatkan keseluruhan bayaran berjumlah RM69,700 ke dalam lapan akaun bank dari 22 Jun hingga 8 Julai,” katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Zulkipli berkata, kesemua pembayaran tersebut kononnya untuk proses pinjaman termasuk dokumen perbankan, pendaftaran, urusan pemprosesan dan pem-

bayaran cukai bagi kelulusan segera.

“Mangsa juga dijanjikan pulangan semula wang berkenaan setelah mendapat kelulusan pinjaman, namun semuanya penipuan semata-mata,” katanya.

Mangsa kemudian tampil membuat laporan polis setelah gagal menghubungi ejen bank berkenaan.

Sehubungan itu, Zulkipli mengingatkan orang ramai agar tidak mudah percaya dengan tawaran pinjaman wang dalam talian.

“Semak terlebih dahulu kesahihan perkhidmatan pinjaman dalam talian dengan pihak bank tempatan bagi mengelakkan diri ditipu,” tegasnya.

Sebarang nasihat atau maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi CCID Scam Response Centre menerusi talian 03-26101559 atau 03-26101599 atau memuat naik aplikasi Semak Mule <http://semakmule.rmp.gov.my> dan ikuti laman Facebook @Cyber-CrimeAlertmp.